



APPGM-SDG



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026

PENYELESAIAN KE ARAH PENDIDIKAN INKLUSIF: HAK PENDIDIKAN UNTUK GOLONGAN TANPA DOKUMEN



**Laporan Cadangan Dasar
Kawasan Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026**

**Penyelesaian Ke Arah
Pendidikan Inklusif: Hak
Pendidikan untuk Golongan
Tanpa Dokumen Di Malaysia**

Jabatan Advokasi Dasar APPGM-SDG

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7752-38-9

Penulis Bersama : Nuha Mysara Mohd Hisam & Dr. Teo Sue
Ann

Editor : Dr. Teo Sue Ann

Senarai Kehadiran

AHLI PARLIMEN		
Bil.	Nama	Kawasan Parlimen
1	YB Senator Tuan Isaiah D.Jacob	Ahli Dewan Negara
2	YB Puan Young Syefura Othman	P089 Bentong
3	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Abas	P154 Mersing
4	YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis@Fakharudy	P169 Kota Belud
5	YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib	P213 Mukah
6	YB Tuan Haji Muhammad Fawwaz Mohamad Jan	P044 Permatang Pauh
7	YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff	P023 Rantau Panjang
8	YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawī	P019 Tumpat
9	YB Tuan Mordi Bimol	P192 Mas Gading
10	YB Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi	P010 Kuala Kedah
11	YB Tuan Suhaizan Kaiat	P161 Pulau
12	YB Datuk Haji Idris Haji Ahmad	P058 Bagan Serai
13	YB Tuan Haji Jamaludin Yahya	P073 Pasir Salak
14	YB Tuan Haji Kamal Ashaari	P087 Kuala Krau
15	YB Tuan Haji Mohd Misbahul Munir Masduki	P057 Parit Buntar
16	YB Tuan Haji Onn Abu Bakar	P150 Batu Pahat
17	YB Tuan Rushdan Rusmi	P001 Padang Besar
18	YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Hairi	P112 Kuala Langat
19	YB Puan Hajah Salmiah Mohd Nor	P088 Temerloh
20	YB Datuk Jonathan Yasin	P179 Ranau

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
1	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) - Jabatan Pembangunan Wanita
2	Kementerian Dalam Negeri (KDN) - Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan (JPPM) - Jabatan Pendaftaran Negara
3	Kementerian Pendidikan Malaysia
4	Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
5	Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah
6	Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah
7	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
8	Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah
9	Yayasan Sabah Group
10	Unit Perancangan Ekonomi Sarawak
11	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPSS)
12	Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak
13	Jabatan Pendidikan, Negeri Sarawak
14	Pejabat Residen Bahagian Kuching
15	Pejabat Residen Bahagian Sibul
16	Pejabat Residen Bahagian Samarahan
17	Pejabat Residen Bahagian Sarikei
18	Pejabat Residen Bahagian Limbang
19	Pejabat Residen Bahagian Miri
20	Pejabat Residen Bahagian Sri Aman
21	Pejabat Residen Bahagian Kuching
22	Pejabat Residen Bahagian Kapit
23	Pejabat Residen Bahagian Serian

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
24	Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli (MUDeNR), Sarawak
25	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (MEITD), Sarawak

MALAYSIAN CSO-SDG ALLIANCE DAN LAIN-LAIN	
Bil.	Nama
1	Yayasan MySDG
2	CSO-SDG Alliance (DHRRA Malaysia)
3	Advocates for Non-Discrimination and Access to Knowledge (ANAK)
4	DHRRA Malaysia
5	Institute for Development Sabah (IDS)
6	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
7	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
8	United Nations Development Programme (UNDP)
9	Sarawak Development Institute (SDI)

Kolaborasi bersama:

Isi Kandungan

Ringkasan Eksekutif	I
Sorotan Cadangan	IV
Infografik	VI
Pengenalan	1
Akta Kewarganegaraan di Malaysia	8
Pindaan Akta Kewarganegaraan	14
Faktor-Faktor yang Menyebabkan Kelahiran Golongan Tanpa Dokumen Berdasarkan Data APPGM-SDG	16
Usaha Kerajaan Dalam Memastikan Akses Pendidikan Untuk Semua	28
Akses Pendidikan Untuk Golongan Tanpa Dokumen Di Malaysia	31
Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2024 dan 2025	36
Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 di Parlimen	37
Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 di Sabah	39
Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 di Sarawak	40
Cabaran dan Cadangan Penyelesaian	42
Kesimpulan	49
Bibliografi	50

Ringkasan Eksekutif

Pendidikan merupakan hak asasi sejagat yang perlu dijamin untuk semua tanpa mengira latar belakang sosial atau status individu. Selaras dengan prinsip sedunia, *Education for All* (EFA) yang juga disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), peluasan Akta Pendidikan Wajib dari peringkat pendidikan rendah hingga menengah yang dilaksanakan mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Malaysia dalam memastikan tiada kanak-kanak yang tercicir daripada sistem pendidikan arus perdana.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) 2026 – 2030, Kerajaan MADANI menetapkan aspirasi untuk menyediakan akses pendidikan yang saksama kepada semua lapisan masyarakat, khususnya kumpulan rentan dan komuniti yang terpinggir, termasuk mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Antara sasaran utama reformasi pendidikan adalah untuk mencapai kadar kemasukan sebanyak 98% di peringkat sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2030.

Walau bagaimanapun, pencapaian sasaran ini masih dibelenggu oleh beberapa kekangan apabila masih terdapat kumpulan tertentu, khususnya kanak-kanak tanpa dokumen yang terus menghadapi halangan untuk memperoleh akses pendidikan yang formal, akibat ketiadaan sijil kelahiran atau dokumen pengenalan diri. Cadangan dasar APPGM-SDG ini menfokuskan kepada penyelesaian bagi menyokong pencapaian sasaran Reformasi Pendidikan seperti yang

digariskan dalam RMK-13 menjelang tahun 2030. Berdasarkan dapatan pemetaan isu yang dilaksanakan oleh APPGM-SDG bagi tempoh 2020 – 2025, sebanyak 33 daripada 143 kawasan Parlimen telah dikenal pasti mempunyai kanak-kanak tanpa dokumen yang berdepan cabaran untuk mendaftar ke sekolah akibat ketiadaan sijil kelahiran dan kad pengenalan diri.

Kekangan ini telah menyebabkan sebahagian kanak-kanak tidak dapat mengikuti persekolahan formal atau terpaksa mendapatkan pendidikan melalui pusat bimbingan alternatif yang menawarkan pendidikan tidak formal. Sehubungan itu, cadangan yang dikemukakan oleh APPGM-SDG menekankan keperluan agar pihak pembuat dasar yang berkaitan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN), mempertimbangkan mekanisme yang membolehkan kanak-kanak tanpa dokumen meneruskan pembelajaran sehingga ke peringkat sekolah menengah, tanpa dipengaruhi oleh tempoh pemprosesan kewarganegaraan ibu bapa dan kanak-kanak berkenaan yang lazimnya mengambil masa sehingga dua tahun.

Penyediaan Laporan Cadangan Dasar 2026 ini adalah berasaskan dapatan Siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 yang dijalankan bersama Ahli-ahli Parlimen serta wakil kementerian dan agensi berkaitan sebagai sumber data utama. Di samping itu, analisis turut disokong oleh sumber data sekunder merangkumi laporan media, peruntukan undang-undang, dasar serta artikel berkaitan.

Berdasarkan dapatan perbincangan tersebut, dua cadangan utama telah dikemukakan (seperti yang dihuraikan dalam bahagian Sorotan Cadangan), dengan mengambil kira realiti semasa yang dihadapi oleh komuniti terkesan. Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian SDG di Malaysia, khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan) dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan and Institusi yang Kukuh).

Sorotan Cadangan

Cadangan penyelesaian yang dikemukakan dalam Laporan Cadangan Dasar ini merupakan hasil intipati perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen, wakil kementerian serta pihak berkepentingan lain termasuk pertubuhan masyarakat sivil (NGO). Cadangan-cadangan ini disesuaikan dengan realiti semasa yang dihadapi oleh masyarakat tempatan, berdasarkan dapatan pemetaan isu yang dilaksanakan oleh APPGM-SDG bagi tempoh 2020-2025. Sehubungan itu, cadangan utama yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1) Pemberian Dokumen Sementara

Pendekatan ini boleh mencontohi inisiatif oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Sarawak melalui pelaksanaan Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSITKS), bagi memastikan hak asasi kanak-kanak seperti pendidikan dan kesihatan tidak terjejas sepanjang tempoh menunggu keputusan status kewarganegaraan.

2) Pengiktirafan Silibus Pusat Bimbingan Alternatif (PBA)

Kanak-kanak tanpa dokumen yang tidak dapat didaftarkan ke sekolah kerajaan boleh mendapatkan pendidikan melalui PBA sebagai saluran pembelajaran alternatif. Sekiranya silibus pembelajaran di PBA diseragamkan dan diselaraskan

agar setara dengan Kurikulum Pendidikan Kebangsaan, kanak-kanak ini mempunyai peluang yang lebih terjamin untuk menduduki peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Penyelesaian ke Arah Pendidikan Inklusif: Hak Pendidikan untuk Golongan Tanpa Dokumen



KONTEKS



Perkahwinan tidak didaftarkan
menyukarkan proses
pendaftaran kelahiran anak



Anak-anak tanpa sijil lahir
dan kad pengenalan berisiko
menjadi golongan tanpa
dokumen



Anak-anak tidak berdokumen
sukar untuk berdaftar dan
belajar secara formal dan
percuma di sekolah kerajaan



CABARAN UTAMA



Permohonan kewarganegaraan kanak-kanak
perlu diperbaharui setiap 2 tahun (sekiranya
masih belum mendapat keputusan) bagi
membolehkan mereka terus bersekolah
secara percuma di sekolah kerajaan



Silibus pendidikan alternatif tidak
diiktiraf rasmi oleh KPM menyebabkan
peluang kanak-kanak untuk menduduki
peperiksaan seperti SPM adalah terhad



CADANGAN



Memberi dokumen sementara khas
dengan tempoh sah laku sekurang-
kurangnya sehingga tamat sekolah
menengah



Mewujudkan silibus pelajaran di institut
pendidikan alternatif yang diiktiraf dan
selari dengan kurikulum pendidikan
kebangsaan

Penyelesaian Ke Arah Pendidikan Inklusif: Hak Pendidikan untuk Golongan Tanpa Dokumen Di Malaysia

PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan seramai 34.2 juta penduduk di Malaysia pada tahun 2025, terdiri daripada 30.9 juta warganegara dan 3.4 juta bukan warganegara¹. Kategori 'bukan warganegara' tidak merujuk kepada warga asing semata-mata, sebaliknya ia turut merangkumi pemegang MyKAS, MyPR, pemegang sijil kelahiran bukan warganegara serta pemegang sijil kelahiran berstatus warganegara yang belum ditentukan². Bagi kategori pelarian pula, pendaftaran dan penentuan status adalah dibawah bidang kuasa Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu³. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia tidak mempunyai data rasmi yang menunjukkan jumlah sebenar pelarian, namun telah menganggarkan sekurang-kurangnya 200,000 pelarian berada di negara ini⁴.

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2025*, (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia), https://storage.dosm.gov.my/demography/population_2025.pdf.

² Media sosial rasmi Development of Human Resources for Rural Areas, Malaysia (DHRRMA Malaysia), "Bukan semua bertaraf warganegara Adalah warga asing," Facebook, 12 Mei 2021. <https://www.facebook.com/photo.php?fbid=4098567613534462&id=581979151860010&set=a.582882218436370>.

³ "Tentang kebenaran pelarian untuk bekerja secara sah di Malaysia," Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, 25 November 2025, <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/KKDR-25112025-1.pdf>.

⁴ Shawaliah Hadir, "200,000 pelarian terlibat Dasar Pengurusan Pelarian tahun depan," *Malaysia Gazette*, 2 Disember, 2025,

Walau bagaimanapun, angka yang direkodkan ini tidak menggambarkan jumlah populasi sebenar di Malaysia. Ini adalah kerana terdapat segolongan penduduk yang diklasifikasikan sebagai golongan tanpa dokumen. Golongan tanpa dokumen merujuk kepada individu atau kelompok yang tidak memiliki sebarang dokumentasi pengenalan diri yang sah, seperti sijil kelahiran dan kad pengenalan. Pada masa ini, tiada data rasmi yang dapat menunjukkan jumlah sebenar golongan ini. Namun begitu, setakat bulan Disember 2022, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah merekodkan sebanyak 55,000 permohonan kewarganegaraan⁵. Sebahagian besar golongan ini berasal daripada keluarga yang kewarganegaraan mereka adalah Malaysia tetapi, atas faktor-faktor tertentu (seperti yang akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam Seksyen 1.2), mereka tidak didaftarkan sebagai warganegara Malaysia.

Individu tanpa dokumen di Malaysia tidak layak menerima subsidi dan bantuan kerajaan yang diperuntukkan khusus kepada warganegara Malaysia yang sah. Ini termasuk akses kepada perkhidmatan kesihatan awam, peluang pekerjaan formal, perlindungan sosial serta pendidikan kebangsaan yang setara dengan warganegara. Ketiadaan dokumen pengenalan diri, khususnya kad pengenalan diri, menjadi kekangan utama kerana ia merupakan syarat asas bagi

<https://malaysiagazette.com/2025/12/02/200000-pelarian-terlibat-dasar-pengurusan-pelarian-tahun-depan-shamsul-anuar/>.

⁵ Maisarah Sheikh Rahim, Aqilah Mior Kamarulbaid, dan Aslinda Nasir., "49,000 permohonan jadi warganegara sedang dinilai," *Utusan Malaysia*, 30 September, 2025, <https://www.jpn.gov.my/my/keratan-akhbar/6132-49permohonan>.

kebanyakan permohonan bantuan dan perkhidmatan kerajaan. Keadaan ini secara langsung mengehadkan keupayaan golongan tanpa dokumen untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Antara kekangan utama yang dihadapi oleh golongan tanpa dokumen, APPGM-SDG mengenal pasti bahawa batasan akses kepada pendidikan asas, khususnya di kalangan kanak-kanak tanpa dokumen, merupakan antara isu yang paling kritikal. Hal ini sedemikian kerana pendidikan merupakan hak asasi sejagat serta elemen teras dalam aspek pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berkeupayaan menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara⁶. Sehubungan itu, APPGM-SDG berpandangan bahawa semua kanak-kanak, tanpa mengira status kewarganegaraan atau pemilikan dokumen, wajar diberikan peluang untuk memperoleh pendidikan asas sekurang-kurangnya sehingga tamat persekolahan di peringkat menengah. Pendidikan yang bersifat inklusif merupakan pra-syarat penting bagi memastikan kebolehcapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 4 - Pendidikan Berkualiti, seperti berikut⁷:

⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia, "Falsafah Pendidikan Kebangsaan," n.d., <https://www.moe.gov.my/falsafah-pendidikan-kebangsaan>.

⁷ "Matlamat Pembangunan Mampan 2030 versi dwi-bahasa," Urbanice, 2023, <https://www.urbanicemalaysia.com.my/publications/sustainable-development-goals-2030>.

1. SDG 4 – Pendidikan berkualiti

Sasaran 4.1 – Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mendapat pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti yang akan membuahkan hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.

Sasaran 4.2 – Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mempunyai akses kepada pembangunan awal kanak-kanak, penjagaan serta pendidikan prasekolah yang berkualiti bagi menyediakan mereka ke peringkat pendidikan sekolah rendah.

Sasaran-sasaran ini adalah selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) iaitu yang menekankan pembentukan individu yang berteraskan insan MADANI. RMK-13 menyatakan bahawa *“pembentukan sistem sosial negara berteraskan insan MADANI akan menyumbang kepada kebangkitan semula negara bangsa yang bertamadun dengan masyarakat yang berilmu, beradab serta mempunyai nilai kerohanian dan manusiawi yang tinggi”*. Sehubungan itu, penerapan pendidikan awal secara menyeluruh merupakan komponen penting dalam melahirkan insan MADANI, selaras dengan penstrukturan semula sistem pendidikan negara ke arah mewajibkan pendidikan prasekolah seawal lima tahun dan pendidikan rendah seawal enam tahun⁸.

⁸ Kementerian Ekonomi, *Rancangan Malaysia Ke-13, 2026-2030 Melakar semula pembangunan*, (Putrajaya: 2025) Bab 3, https://rmk13.ekonomi.gov.my/wp-content/uploads/2025/07/Buku_Utama_RMK13.pdf.

Golongan kanak-kanak yang tanpa dokumen dalam konteks laporan ini merujuk kepada kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia. Oleh itu, golongan ini wajar termasuk dalam kumpulan sasaran RMK-13 sebagaimana kumpulan sasaran yang lain. Sehubungan itu, pihak kerajaan yang berkaitan perlu memastikan suatu pelaksanaan dasar pendidikan yang inklusif dicapai, supaya semua kanak-kanak, tanpa mengira samada mereka memiliki dokumen ataupun sebaliknya, dan sekiranya disahkan mereka dilahirkan di Malaysia, wajib diberikan akses kepada pendidikan rendah dan menengah.

Pelaksanaan dasar sedemikian bukan sahaja dapat menyokong pencapaian matlamat pembangunan di peringkat negara dan antarabangsa, malah ia turut memastikan jaminan pendidikan asas kepada semua kanak-kanak, termasuk kanak-kanak tanpa dokumen bagi melahirkan generasi masa hadapan yang berilmu.

Selain SDG 4, laporan ini turut menyasarkan kebolehcapaian SDG berikut:

2. SDG 10 – Mengurangkan ketidaksamarataan

Sasaran 10.2 – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

Sasaran 10.3 – Memastikan peluang sama rata diberikan dan mengurangkan keputusan yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan

amalan bersifat diskriminasi serta mengetengahkan undang-undang, dasar dan tindakan yang bersesuaian dalam hal ini.

Kesinambungan daripada pencapaian Sasaran SDG 4.1, jaminan pendidikan asas yang merangkumi peringkat rendah dan menengah, dengan secara langsung berpotensi merapatkan jurang ketidaksamarataan di kalangan masyarakat Malaysia, khususnya dari segi keupayaan pemikiran dan pembangunan potensi generasi muda. Langkah ini seterusnya menyumbang kepada kemajuan serta kemampanan sosial, ekonomi dan pembangunan negara secara menyeluruh.

Selain itu, isu berkaitan dokumentasi dan kewarganegaraan bukan hanya melibatkan individu dan satu kementerian sahaja, sebaliknya ia memerlukan penglibatan pelbagai pemegang taruh yang lain. Sebagai contoh, isu pendidikan golongan tanpa dokumen melibatkan individu tanpa dokumen, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai agensi pengeluar dokumen pengenalan diri, serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pelaksana dasar pendidikan. Oleh itu, penglibatan dan kerjasama rentas sektor adalah penting bagi memastikan pencapaian SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh, dengan sasaran berikut:

3. SG 16 – Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat
Sasaran 16.7 - Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, menyeluruh, berpenyertaan dan berwakilan pada semua peringkat.

RMK-13 menekankan prinsip keterangkuman sosial dalam semua pelaksanaan dasar, dan memastikan tiada individu yang ketinggalan. Sehubungan itu, adalah penting supaya kanak-kanak tanpa dokumen diberi akses kepada pendidikan yang berkualiti dan pembelajaran mereka tidak tergendala, walaupun ibu bapa masih dalam proses untuk memperoleh status kewarganegaraan yang sah.

RMK-13 turut menekan pendidikan yang berkualiti untuk semua kanak-kanak, termasuk mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah atau tergolong dalam kumpulan terpinggir. Walaupun tiada data rasmi yang menunjukkan bilangan sebenar kanak-kanak tanpa dokumen, prinsip dasar menuntut agar setiap kanak-kanak tetap diberikan pendidikan asas yang sewajarnya tanpa sekatan berdasarkan status permohonan kewarganegaraan ibubapa mereka.

Dengan mengambil kira kepelbagaian konteks bagi setiap kes permohonan kewarganegaraan ibu bapa, penyediaan pendidikan asas yang saksama dan berkualiti membuktikan pendekatan dasar yang responsif, inklusif dan mengambilkira penyertaan semua pihak, sejajar dengan Sasaran SDG 16.7. Pelaksanaan dasar inklusif dan keterangkuman ini secara langsung dapat memperkukuhkan kesepaduan sosial serta menyokong pembangunan negara yang mampan. Langkah ini juga selaras dengan SDG 17 - Perkongsian untuk Matlamat, khususnya Sasaran 17.14 yang menekankan peningkatan kesepaduan dasar bagi pembangunan mampan.

Akta Kewarganegaraan di Malaysia

Di Malaysia, setiap kelahiran adalah wajib didaftarkan selaras dengan peruntukan undang-undang negara di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299)⁹ yang memperuntukkan bahawa:

‘... kelahiran tiap-tiap kanak-kanak yang lahir di Malaysia hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar bahawa pendaftaran di mana kanak-kanak itu dilahirkan dengan mencatatkan ke dalam daftar dalam pendua dengan cara menetapkan butir-butir yang berkenaan dengan kelahiran itu sebagaimana yang ditetapkan; dan daftar yang berlainan hendaklah digunakan dan butir-butir yang berlainan boleh ditetapkan bagi lahir hidup dan lahir mati masing-masing.’

Seksyen 7 (1) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299)

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk ditegaskan bahawa kelahiran di Malaysia tidak menjamin pemberian kewarganegaraan secara automatik. Penentuan status kewarganegaraan seseorang individu adalah bergantung kepada status perkahwinan serta taraf kewarganegaraan ibu bapa. Rajah 1 memperincikan ringkasan kaedah penentuan kewarganegaraan individu di Malaysia¹⁰.

⁹ Jabatan Digital Negara, “Soal Jawab Menguruskan Pengenalan Diri,” 2024, <https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/183?language=my>.

¹⁰ Kementerian Dalam Negeri, “Ringkasan kaedah penentuan kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang,” 2021, https://www.kln.gov.my/web/chl_santiago/news-from-mission/-/blogs/ringkasan-kaedah-penentuan-kewarganegaraan.

Rajah 1. Ringkasan Kaedah Penentuan Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-undang



Ringkasan Kaedah Penentuan Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-Undang

Tarf Kewarganegaraan		Status Perkahwinan	Tarf Kewarganegaraan Anak
Bapa	Ibu		
Warganegara 	Warganegara 	✓ / ✗	Warganegara 
Bukan Warganegara 	Bukan Warganegara 	✓ / ✗	Bukan Warganegara 
Bukan Warganegara 	Warganegara 	✓ / ✗	Warganegara 
Warganegara 	Bukan Warganegara 	✗	Bukan Warganegara 
Warganegara 	Bukan Warganegara 	✓	Warganegara 
Pemastautin Tetap 	Pemastautin Tetap 	✓ / ✗	Warganegara 
Bukan Warganegara 	Pemastautin Tetap 	✓ / ✗	Warganegara 
Pemastautin Tetap 	Bukan Warganegara 	✗	Bukan Warganegara 
Pemastautin Tetap 	Bukan Warganegara 	✓	Warganegara 

*Nota :- Pengangkatan tidak membawa kepada kewarganegaraan Malaysia secara kuat kuasa undang-undang.

Sumber: Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri (2021)

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, walaupun ibu atau bapa merupakan warganegaara Malaysia yang sah, status kewarganegaraan Malaysia tidak semestinya diberikan secara automatik kepada anak-anak mereka. Hal ini demikian kerana antara syarat-syarat utama yang diambil kira dalam penentuan dan permohonan kewarganegaraan kanak-kanak adalah status perkahwinan ibu bapa. Dalam

konteks ini, ibu bapa dikehendaki mengemukakan sijil pendaftaran perkahwinan yang sah semasa pendaftaran kelahiran anak dilakukan. Berdasarkan maklumat tersebut, pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan melengkapkan bahagian status kewarganegaraan kanak-kanak dalam borang daftar kelahiran yang berkaitan (rujuk Rajah 2).

Rajah 2. Borang Daftar Kelahiran

DATAR KELAHIAN REGISTER OF BIRTH		INFORMASI	
Nama Pendaftaran Kelahiran dan Pendaftaran 001 Kandi: Pendaftaran Pendaftaran Kelahiran dan Pendaftaran 001 Pendaftaran 001 Pendaftaran 001		Nama Pendaftaran Kelahiran dan Pendaftaran 001 Pendaftaran 001 Pendaftaran 001 Pendaftaran 001	
Nama dan Jenis Pendaftaran 001 Nama dan Jenis Pendaftaran 001 Pendaftaran 001 Pendaftaran 001		Nama dan Jenis Pendaftaran 001 Pendaftaran 001 Pendaftaran 001 Pendaftaran 001	
A. MAJLISAT KANAK-KANAK / REGISTRATION OF THE CHILD		B. MAJLISAT PANDAI BESAR / REGISTRATION OF THE ADULT	
1. Nama Anak / Child Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Kelahiran / Date of Birth 4. Nama Ibu / Mother's Name 5. Nama Bapa / Father's Name 6. Nama Pendaftar / Registrar's Name		1. Nama Pendaftaran / Registration Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Pendaftaran / Date of Registration 4. Nama Pendaftar / Registrar's Name	
C. MAJLISAT PENDAFTAR KELAHIAN / REGISTRATION OF THE BIRTH REGISTRAR		D. MAJLISAT PENDAFTAR KELAHIAN / REGISTRATION OF THE BIRTH REGISTRAR	
1. Nama Pendaftaran / Registration Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Pendaftaran / Date of Registration 4. Nama Pendaftar / Registrar's Name		1. Nama Pendaftaran / Registration Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Pendaftaran / Date of Registration 4. Nama Pendaftar / Registrar's Name	
E. MAJLISAT BUKU / REGISTRATION OF THE BOOK		F. MAJLISAT BUKU / REGISTRATION OF THE BOOK	
1. Nama Pendaftaran / Registration Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Pendaftaran / Date of Registration 4. Nama Pendaftar / Registrar's Name		1. Nama Pendaftaran / Registration Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Pendaftaran / Date of Registration 4. Nama Pendaftar / Registrar's Name	
G. MAJLISAT BUKU / REGISTRATION OF THE BOOK		H. MAJLISAT BUKU / REGISTRATION OF THE BOOK	
1. Nama Pendaftaran / Registration Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Pendaftaran / Date of Registration 4. Nama Pendaftar / Registrar's Name		1. Nama Pendaftaran / Registration Name 2. Jenis Kelamin / Sex 3. Tarikh Pendaftaran / Date of Registration 4. Nama Pendaftar / Registrar's Name	
I. TARAF KEWARGANEGERAAN KANAK-KANAK KETIKA KELAHIAN (UNTUK DIISI OLEH PENDAFTAR) CITIZENSHIP STATUS OF THE CHILD UPON BIRTH (TO BE FILLED BY REGISTRAR)		J. KEPUTUSAN PENDAFTAR BESAR / PENGUSAHA PENDAFTAR DECISION BY REGISTRAR GENERAL / SUPERINTENDENT REGISTRAR	
1. Warganegara Malaysia / Malaysian 2. Bukan Warganegara Malaysia / Not a Citizen of Malaysia 3. Belum Ditentukan / Not Yet Determined		1. Keputusan Pendaftar Besar / Keputusan Pendaftar 2. Keputusan Pendaftar Besar / Keputusan Pendaftar	

Bahagian I dan J pada borang daftar kelahiran akan diisi oleh pegawai JPN

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara (2025)

Rajah 2 menunjukkan borang daftar kelahiran yang perlu dilengkapkan oleh ibu bapa kecuali pada Bahagian I dan Bahagian J yang akan diisi oleh pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)¹¹. Bagi kanak-kanak yang telah diiktiraf sebagai warganegara Malaysia, permohonan Kad Pengenalan Biru boleh dibuat apabila mencapai umur 12 tahun sebagai bukti status kewarganegaraan.

Sebaliknya, bagi kanak-kanak yang status kewarganegaraan belum ditentukan, ibu bapa boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan berdasarkan peruntukan Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan, iaitu permohonan kewarganegaraan bagi individu di bawah 21 tahun¹², seperti yang diperincikan dalam Rajah 3 di bawah¹³.

¹¹ Jabatan Pendaftaran Negara, "Pendaftaran Kelahiran Biasa," 2021, <https://www.jpn.gov.my/my/perkhidmatan/kelahiran/semenanjung/pendaftaran-biasa-sm>.

¹² Kementerian Dalam Negeri, "Kewarganegaraan," 2025, <https://www.moha.gov.my/utama/index.php/ms/component/content/article/326-kewarganegaraan?catid=113>.

¹³ Media sosial rasmi Jabatan Pendaftaran Negara, "3 Cara pemerolehan kewarganegaraan Malaysia," Facebook, 10 Mei 2025. <https://www.facebook.com/jpnhqofficial/posts/ramai-yang-ingat-senang-nak-dapat-kewarganegaraan-malaysia-tapi-tahu-takpanganug/1139588071531956/>.

Rajah 3. Cara Pemerolehan Kewarganegaraan Malaysia Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan

3 CARA PEMEROLEHAN KEWARGANEGARAAN MALAYSIA

1. KUAT KUASA UNDANG-UNDANG: PERKARA 14



- Pemerolehan secara automatik.
- Lahir di Malaysia: Salah seorang ibu bapa adalah warganegara semasa kelahiran.
- Lahir di luar Malaysia: Bapa adalah warganegara dan perkahwinan adalah teratur mengikut undang-undang bertulis di Malaysia semasa kelahiran.

2. PENDAFTARAN : PERKARA 15, 15A, 16



- Perlu permohonan & kelulusan kerajaan Persekutuan.
- Perkara 15(1): Wanita berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia.
- Perkara 15(2): Anak bawah 21 tahun kepada warganegara Malaysia.
- Perkara 15A: Kanak-kanak dalam keadaan khas (anak angkat, anak tidak sah taraf, jagaan JKM, dan lain-lain).
- Perkara 16: Individu lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka.

3. NATURALISASI : PERKARA 19(1)



Untuk warga asing yang memenuhi syarat:

- Berumur 21 tahun ke atas
- Bermastautin sekurang-kurangnya 12 tahun.
- Berniat tinggal tetap, berkelakuan baik, dan mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang mencukupi.

Sumber: Media Sosial Rasmi Facebook Jabatan Pendaftaran Negara (2025)

Rajah 3 di atas menunjukkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia. Merujuk kepada peruntukan undang-undang seperti yang diringkaskan dalam Rajah 1 dan Rajah 3, jelas bahawa status perkahwinan dan pendaftaran kelahiran merupakan aspek utama dalam penentuan kewarganegaraan seseorang individu.

Walau bagaimanapun, realitinya masih terdapat di kalangan masyarakat yang gagal memperoleh status kewarganegaraan disebabkan ketidakupayaan mengemukakan dokumen sokongan yang penting, seperti sijil lahir dan sijil perkahwinan. Kegagalan ini adalah berpunca daripada beberapa faktor, antaranya akses yang

terhad kepada pejabat pendaftaran, khususnya bagi penduduk di kawasan pedalaman, serta tahap kesedaran dan pemahaman yang rendah mengenai prosedur dan kepentingan pendaftaran perkahwinan dan kelahiran¹⁴. Situasi ini lazimnya melibatkan komuniti Orang Asli dan penduduk kampung di kawasan pedalaman, terutamanya di negeri Sabah.

Oleh itu, adalah penting untuk dikenal pasti bahawa golongan tanpa dokumen di Malaysia bukanlah golongan *stateless* (tiada mempunyai kewarganegaraan), sebaliknya merupakan golongan yang berisiko menjadi *stateless* sekiranya tidak diberikan intervensi yang sewajarnya dengan segera. Golongan ini merujuk kepada individu yang dilahirkan di Malaysia tetapi status kewarganegaraan mereka belum dapat ditentukan berikutan kegagalan ibu bapa, sama ada salah seorang atau kedua-duanya, dalam memenuhi syarat permohonan kewarganegaraan atau mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, golongan ini masih mempunyai peluang untuk memperoleh dokumentasi yang sah melalui pendaftaran kelahiran lewat bagi mendapatkan sijil kelahiran, seterusnya mengemukakan permohonan kewarganegaraan berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, seperti yang diperincikan dalam Rajah 3.

¹⁴ Laporan Awal Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM-SDG 2024 Tema Tiada Kewarganegaraan, 2024, <https://appgm-sdg.com/wp-content/uploads/2024/10/Tiada-Kewarganegaraan.pdf>.

Setakat Disember 2022, jumlah permohonan kewarganegaraan yang direkodkan adalah sebanyak 55,000 permohonan, termasuk kes-kes tertunggak sejak lima hingga 20 tahun yang lalu. Daripada jumlah tersebut, 49,000 permohonan telah diproses dan dinilai oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN), manakala baki 6000 permohonan disasarkan untuk diselesaikan menjelang akhir tahun 2025¹⁵.

Pindaan Akta Kewarganegaraan

Isu berkaitan kewarganegaraan sentiasa diberikan perhatian serius oleh pihak Kerajaan demi memastikan keharmonian dan kestabilan sosial di Malaysia. Sehubungan itu, Pindaan Rang Undang-Undang Perlembagaan berkaitan kewarganegaraan telah digubal pada tahun 2024 dengan tujuan memperkukuhkan prinsip keadilan, keselamatan dan ketelusan dalam pengurusan hal ehwal kewarganegaraan¹⁶. Rajah 4 (rujuk halaman seterusnya) memperincikan perbezaan peruntukan sebelum dan selepas pindaan Rang Undang-Undang (RUU) tersebut¹⁷.

¹⁵ Maisarah Sheik Rahim, Aqilah Mior Kamarulbaid, dan Aslinda Nasir, "49,000 permohonan jadi warganegara sedang dinilai," *Utusan Malaysia*, 30 September, 2025, <https://www.jpn.gov.my/my/keratan-akhbar/6132-49permohonan>.

¹⁶ "RUU pindaan perlembagaan kewarganegaraan berkuat kuasa Jun atau Julai tahun depan," *Bernama*, 21 Ogos, 2025, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-pindaan-perlembagaan-kewarganegaraan-berkuat-kuasa-jun-atau-julai-tahun-depan-535210>.

¹⁷ Media sosial rasmi Kementerian Dalam Negeri, "Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2024 berhubung dengan kewarganegaraan," Instagram, 17 Oktober 2024. https://www.instagram.com/p/DBORbZ7zIAg/?utm_source=ig_web_copy_link.

Rajah 4. Perbezaan Sebelum dan Selepas RUU Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2024 Mengenai Kewarganegaraan

RUU PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2024 MENGENAI KEWARGANEGARAAN	
SEBELUM PINDAAN	SELEPAS PINDAAN
Bagi kelahiran anak di luar negara, hanya perkataan bapa disebut di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan kewarganegaraan anak tersebut.	Bagi kelahiran anak di luar negara, salah seorang ibu atau bapa Warganegara, anak akan mendapat warganegara secara Kuat Kuasa Undang-Undang (KKU).
Seksyen 1(b) tidak memperuntukkan keperluan mendaftar dalam tempoh 1 tahun.	Menambah peruntukan keperluan mendaftar dalam tempoh 1 tahun.
Penambahan klausa baru.	Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara akan dipertimbangkan kewarganegaraan mengikut had generasi yang selayaknya.
Anak daripada ibu & bapa pemastautin tetap akan mendapat warganegara bawah KKU.	Anak daripada ibu & bapa pemastautin tetap akan mendapat taraf warganegara mengikut kewarganegaraan asal ibu & bapa.
Pelucutan dalam tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan.	Pelucutan dalam tempoh dua tahun dari tarikh mendapat warganegara.
Penambahan klausa baru buat isteri kepada lelaki warganegara.	Syarat asas Bahasa Melayu bagi isteri kepada lelaki warganegara.
Had umur 21 tahun dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.	Had umur 21 tahun diturunkan kepada 18 tahun. Ini adalah selaras dengan perubahan umur mengundi mengikut undang-undang.

Sumber: Media Sosial Rasmi Instagram Kementerian Dalam Negeri (2024)

Pindaan RUU Perlembagaan Persekutuan berkaitan kewarganegaraan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2024 dan kini berada dalam proses penelitian oleh JPN sebelum dikuatkuasakan, dijangka bermula sekitar bulan Jun hingga Julai 2026¹⁸.

¹⁸ "RUU pindaan perlembagaan kewarganegaraan berkuat kuasa Jun atau Julai tahun depan," *Bernama*, 21 Ogos, 2025,

Faktor-Faktor yang Menyebabkan Kelahiran Golongan Tanpa Dokumen Berdasarkan Data APPGM-SDG

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia berkenaan Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah mengenal pasti 33 daripada 143 kawasan Parlimen yang mencatatkan isu berkaitan akses pendidikan di kalangan golongan tanpa dokumen di Malaysia. Jadual 1 memaparkan senarai kawasan Parlimen yang telah dikenal pasti melalui proses pemetaan isu tersebut.

Jadual 1. Kawasan Parlimen Pemetaan Isu APPGM-SDG (2020-2025) Berkaitan Golongan Tanpa Dokumen dan Akses Pendidikan

TAHUN	KAWASAN
2020	1. Sarawak - Kuching
2021	1. Kedah - Kubang Pasu 2. Pulau Pinang - Permatang Pauh 3. Johor - Muar, Simpang Renggam 4. Sabah - Kota Belud
2022	1. Johor - Tebrau 2. Sabah - Lahad Datu 3. Sarawak - Serian
2023	1. Perak - Tambun 2. Kelantan - Tanah Merah 3. Selangor - Ampang, Kuala Langat 4. Melaka - Masjid Tanah 5. Sabah - Kudat, Ranau, Sandakan
2024	1. Perlis - Arau 2. Selangor - Shah Alam 3. Sabah - Sipitang, Kinabatangan

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-pindaan-perlembagaan-kewarganegaraan-berkuat-kuasa-jun-atau-julai-tahun-depan-535210>.

TAHUN	KAWASAN
	4. Sarawak – Mas Gading
2025	1. Johor – Pulai 2. Selangor – Sabak Bernam, Hulu Selangor 3. Kelantan – Kota Bharu, Pasir Puteh 4. Terengganu – Besut 5. Kedah – Kuala Kedah 6. Sabah – Labuan, Tuaran, Putatan, Semporna
Jumlah kawasan Parlimen dari tahun 2020 hingga 2025	33 kawasan Parlimen

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, isu akses pendidikan di kalangan golongan tanpa dokumen berlaku merentasi kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Kesukaran ini lazimnya berpunca daripada kegagalan ibu bapa mengemukakan dokumen sokongan penting seperti sijil perkahwinan, bagi tujuan pendaftaran kelahiran anak.

Dapatan ini turut disokong oleh kenyataan salah seorang peserta Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) semasa kajian pemetaan isu di Kinabatangan, Sabah (2024) yang menyatakan:

"Dia tiada dokumen dari lahir padahal orang tempatan. Sama juga orang tempatan pun tiada, orang kahwin PTI pun tiada... dia orang gagal pegi buat macam apa ni aduan mengenai daftar kelahiran atau pun daftar perkahwinan..." **Informan 1, penduduk Kg Simpang**


Entilibon, Kinabatangan, Sabah (Pemetaan Isu Kinabatangan, 2024, APPGM-SDG)

Kenyataan ini menjelaskan bahawa terdapat penduduk tempatan di Sabah yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri sejak lahir akibat kegagalan pendaftaran kelahiran dan perkahwinan. Faktor jarak, kos pengangkutan serta kekangan infrastruktur, khususnya di kawasan pedalaman dan pulau, turut menyumbang kepada isu ini.

Sebagai contoh, penduduk Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah perlu menempuh perjalanan laut selama 45 minit hingga 1 jam ¹⁹, diikuti perjalanan darat selama 20 hingga 30 minit ke pejabat pendaftaran terdekat. Rajah 5 menggambarkan jarak dan laluan perjalanan tersebut.

¹⁹ Daeng Travel, "Pulau Mantanani," 2023, <https://daengtravel.com/pulau-mantanani/>.

Rajah 5. Jarak Dewan Serbaguna Kg. Simpang Entilibon, Kinabatangan ke Pejabat Pendaftaran Negara, Kinabatangan



Sumber: Google Maps (14 Januari 2026)

Perjalanan pergi balik boleh mengambil masa sehingga berjam, tidak termasuk kos sewaan bot dan kenderaan. Kekangan ini menyebabkan penduduk setempat bergantung kepada program turun padang JPN seperti Program MEKAR bagi memudahkan urusan pendaftaran dan permohonan dokumen.

Selain faktor kawasan pedalaman dan kepulauan, isu kanak-kanak tanpa dokumen turut dikenal pasti di kawasan bandar, seperti di Shah Alam. Kanak-kanak tersebut turut berdepan kesukaran untuk mengakses pendidikan formal akibat ketiadaan dokumen pengenalan diri yang sah. Dapatan ini disokong oleh kenyataan Informan 3, salah satu peserta FGD semasa kajian pemetaan isu di Shah Alam pada tahun 2024.

“Satu lagi faktor, kadar jenayah tinggi sebab tiada IC, sijil lahir juga tak diberi. Jadi, IC dan sijil lahir ... mereka tiada IC, tiada sijil lahir macam mana mereka nak dapat kerja. Mereka juga tak dapat pergi sekolah jadi sekarang mereka tidak sekolah, mereka nak hidup, mereka menipu la, kena curi la...” **Informan 3, salah seorang peserta semasa FGD bersama komuniti India di Shah Alam, Selangor (Pemetaan Isu Shah Alam, 2024, APPGM-SDG)²⁰**

Informan 3 situasi yang berlaku sebelum proses permohonan naturalisasi dilaksanakan. Komuniti India tersebut berasal dari India dan telah berhijrah ke Malaysia sejak zaman pemerintahan British untuk bekerja di kawasan estet. Setelah menetap dan bekerja di negara ini dalam tempoh yang panjang, mereka mengemukakan permohonan

²⁰ Transkrip asal: *“There is another reason. Criminal rate is high because IC not been given, birth certificate not been given. So, the IC and birth certificate, they have no IC, no birth certificate, how they will get a job. Not even, they cannot go to the school so now they don't go to the school, they want survive, they cheating la, kena curi lah...”* – Informan 3, salah seorang peserta semasa FGD bersama komuniti India di Shah Alam, Selangor (Pemetaan Isu Shah Alam, 2024, APPGM-SDG).

kewarganegaraan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan iaitu permohonan kewarganegaraan melalui naturalisasi.

Walau bagaimanapun, sebahagian daripada permohonan tersebut tidak diluluskan, sekali gus menyebabkan generasi seterusnya turut berdepan kekangan untuk memohon dan memperoleh status kewarganegaraan. Berdasarkan petikan transkrip di atas, ketiadaan dokumentasi bukan sahaja menghadkan akses kepada pendidikan dan peluang pekerjaan, malah ia turut meningkatkan kerentanan individu untuk terjerumus ke dalam kegiatan jenayah demi kelangsungan hidup.

Isu serupa turut dikenal pasti di kawasan bersempadan dengan negara luar seperti Kubang Pasu dan Tanah Merah yang bersempadan dengan negara Thailand. Lazimnya, isu yang berbangkit adalah melibatkan perkahwinan campur antara warganegara Malaysia dengan pasangan yang bukan warganegara. Kegagalan mendaftarkan perkahwinan secara sah memberi kesan langsung kepada status kewarganegaraan anak pada masa hadapan, seperti yang dinyatakan dalam petikan FGD di Kubang Pasu, Kelantan dan Tanah Merah, Kelantan.

"Bila dekat-dekat sempadan ini (Malaysia-Thailand), kebanyakan penduduk kahwin sana... Bila sakit nak pergi hospital pun bermasalah... Ada setengah kes ibu Thailand, balik Thailand, tinggalkan dokumen, nak daftar anak bermasalah, nak masuk hospital nak bersalin, ini menjadi masalah. Ada perempuan yang lari balik ke sana.

Dokumen tak lengkap, Kita status ikut ibu. Ada yang terbalik, perempuan disini, lelaki di sana pun ada. Kalau perempuan, dia juga kahwin di sini, tak kahwin di sana. Kahwin di Malaysia cukup lengkap. Masalahnya lelaki kahwin di sana, balik mai takda masalah, bila dapat anak... susah ramai orang. Sekolah pendidikan anak..."
Informan 1, penduduk Kg Padang 1, Kubang Pasu, Kelantan (Pemetaan Isu Kubang Pasu, 2021, APPGM-SDG)

"Dekat rumah saya tu anak-anak kecil tak ada seorang pun ada surat beranak, bini dia orang sana (Thailand), ayah dia orang sini. Ada tu dekat Batu 6. Selalunya orang yang kahwin dengan orang sana, dia nak buat dokumen tetapi tak tahu cara dan dekat mana. Dia tak tahu kesan."
Informan 5, salah seorang peserta FGD bersama kumpulan B40 di DUN Kemahang, Tanah Merah, Kelantan (Pemetaan Isu Tanah Merah, 2023, APPGM-SDG)

Dapatan APPGM-SDG turut menunjukkan kewujudan faktor-faktor lain yang menjadi cabaran kepada komuniti tertentu dalam proses permohonan kewarganegaraan Malaysia. Sehubungan itu, anak-anak mereka berdepan kesukaran untuk meneruskan pendidikan formal di sekolah. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut²¹:

²¹ Laporan Awal Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM-SDG 2024 Tema Tiada Kewarganegaraan, 2024, <https://appgm-sdg.com/wp-content/uploads/2024/10/Tiada-Kewarganegaraan.pdf>.

1. Akses terhadap pejabat pendaftaran :-

Komuniti khususnya yang menetap di kawasan pedalaman, berhadapan kesukaran untuk hadir ke pejabat pendaftaran yang kebanyakannya terletak di kawasan bandar berikutan keadaan infrastruktur dan jaringan jalan yang tidak memuaskan. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa gagal mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, sebahagian ibu bapa turut mempunyai tahap pemahaman yang rendah terhadap prosedur permohonan, sekaligus menimbulkan persepsi bahawa mereka tidak lagi berpeluang untuk memperbaharui permohonan kewarganegaraan. Akibatnya, anak-anak mereka gagal memperoleh status kewarganegaraan Malaysia yang sah.

Antara kawasan Parlimen yang dikenal pasti oleh APPGM-SDG melibatkan isu ini ialah Kota Belud (2021), Selangau (2021), Beluran (2023), Kudat (2023), Kota Marudu (2024). Isu ini turut disokong melalui kenyataan transkrip daripada salah seorang peserta FGD semasa pemetaan isu pada tahun 2024, yang menyatakan:

".. di sini satu keluarga ni laki bini semua anak dia tiada surat beranak. orang tempatan dua-dua. ... saya tidak tahu itu macam mana, mereka memang orang sini tapi anak-anak tiada satu pun ada surat beranak. itulah masalah dia bah tu, masa dia mengandung dorang tidak pernah pergi klinik. teruk jalan. Jalan kami dulu ni sebab jalan kami sini ni pergi pekan, 2008 baru cantik.

Kalau dulu tu memang teruk tu jalan dia. Jalan kayu balak saja dulu-dulu melalui. itulah mungkin salah satu mereka tidak pergi di klinik lah masa tu dan kalau tiada sana masa tu memanglah tiada laporan apa-apa kan sebab itu la mungkin anak-anak dorang tiada surat beranak.” **Informan 2, penduduk Kg Sunsui, Kota Marudu, Sabah (Pemetaan Isu Kota Marudu, 2024, APPGM-SDG)**

2. **Kekurangan kesedaran mengenai pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran dan proses pengambilan anak angkat secara sah:** Tahap kesedaran terhadap kepentingan pendaftaran perkahwinan dan kelahiran masih rendah di kalangan masyarakat, khususnya yang menetap di kawasan luar bandar dan pedalaman. Proses pendaftaran yang sah dan teratur perlu dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya perkahwinan melibatkan pasangan bukan warganegara²², manakala bagi perkahwinan antara warganegara Malaysia, pendaftaran hendaklah dibuat melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)²³. Kegagalan

²² Jabatan Imigresen Malaysia, “Permohonan pengesahan pas bagi tujuan perkahwinan warganegara asing,” n.d., <https://johor.imi.gov.my/johor/borang/Borang%20Pengesahan%20Pas%20Bagi%20Tujuan%20Perkahwinan%20Dengan%20Warganegara%20Asing.pdf>.

²³ Jabatan Pendaftaran Negara, “Pendaftaran perkahwinan bagi bukan beragama islam,” n.d., <https://www.malaysia.gov.my/media/uploads/fa0d2f5c-e465-41cd-b865-820d79c97dd4.pdf>.

mematuhi prosedur ini akan menjejaskan proses pendaftaran dan kelahiran serta permohonan dokumen pengenalan diri anak pada masa hadapan.

Antara kawasan Parlimen yang dikenal pasti oleh APPGM-SDG melibatkan isu ini ialah Kudat (2023), Sandakan (2023), Kota Marudu (2024), Besut (2025), Labuan (2025). Isu ini dikenal pasti semasa FGD pemetaan isu yang dijalankan di Besut, Terengganu (2025) dan Labuan, Sabah (2025).

“... tidak dapat (kewarganegaraan) ... (di) Bukit Payung lah... segelintir sahaja. ... Mungkin dia mohon lewat ... ya mungkin juga (salah satu pasangan ibu atau bapa kahwin dengan warganegara Thailand).” **Informan 2, salah seorang peserta FGD bersama komuniti peniaga pasar malam Hulu Besut, Besut, Terengganu (Pemetaan Isu Besut, 2025, APPGM-SDG)**

“Diorang tidak boleh ambil surat lahir asal diorang tiada married certification la. Kahwin kampung, contohnya kalau macam kita ni ibu bapa, ibu bapa yang berkahwin zaman dulu memang warganegara kemudian tiada kad nikah ... diabaikan sebab suda lama kemudian anak dia perempuan mo berkahwin tidak boleh... walaupun anak dia tu warganegara, ibu bapa dia tu mesti ada kad nikah tu, surat nikah tu and then next generation like that la. Dia punya procedure

tu banyak ...” Informan 1, penduduk Kg Kiansam, Labuan, Sabah (Pemetaan isu Labuan, 2025, APPGM-SDG)

Kegagalan ibu bapa untuk mengemukakan permohonan kewarganegaraan bagi anak-anak mereka telah mengakibatkan akses yang terhad kepada perkhidmatan asas, termasuk perkhidmatan kesihatan, pendidikan, peluang pekerjaan dan perkhidmatan sosial. Selain itu, sebahagian besar golongan tanpa dokumen ini juga hidup dalam kemiskinan serta tidak layak menerima sebarang bantuan dan subsidi kerajaan.

Keadaan ini memberi kesan yang lebih ketara kepada kanak-kanak, khususnya apabila ibu bapa mereka tidak memiliki dokumentasi yang sah. Kanak-kanak tersebut berhadapan kesukaran untuk mengakses pendidikan asas di peringkat rendah dan menengah di sekolah kebangsaan. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2009²⁴, antara syarat kemasukan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen ke sekolah kerajaan adalah keperluan untuk mengemukakan slip permohonan kewarganegaraan sebagai bukti bahawa permohonan telah dibuat dan sedang dalam pertimbangan pihak berkuasa. Melalui mekanisme ini, ibu bapa diberikan tempoh dua tahun untuk memperoleh keputusan permohonan kewarganegaraan Malaysia. Sekiranya permohonan tersebut tidak diluluskan, kanak-kanak

²⁴ Borang permohonan penerimaan masuk murid warganegara tanpa dokumen ke sekolah kerajaan. SPI.1/2009. <https://jpn Selangor.moe.gov.my/muat-turun/persekolahan/rendah/13-borang-murid-tanpa-dokumen/file>.

berkenaan tidak layak untuk meneruskan persekolahan sehingga ibu bapa memperbaharui permohonan kewarganegaraan mereka. Situasi ini menyebabkan kesinambungan pendidikan kanak-kanak terganggu dan menghalang mereka daripada menikmati peluang pendidikan yang setara seperti kanak-kanak warganegara yang lain. Realiti ini secara tidak langsung menyumbang kepada keciciran pendidikan di kalangan kanak-kanak tanpa dokumen.

Dapatan ini turut disokong melalui petikan transkrip hasil temu bual bersama Informan 1 semasa pemetaan isu di Kubang Pasu, seperti yang dinyatakan berikut:

“... Di kampung Padang Satu (Kubang Pasu) ada 16 keluarga kahwin disana. Mereka buat pengesahan disini, bila dapat anak disini, macam mana nak pergi daftar untuk mendapat sijil lahir dan kad pengenalan di sini. Kebanyakan tak ada. Kadang-kadang sekolah rendah cikgu bagi laluan sikit. Sampai darjah 6, dia boleh tahu bacalah, Sekolah menengah tak boleh nak tolong kerana kena ada IC. Kadang-kadang guru besar tolong juga. ... Kat sini kesan macam itu, anak tak boleh bersekolah sampai 20 tahun tak boleh ada IC.” **Informan 1, penduduk Kg Padang 1, Kubang Pasu, Kelantan (Pemetaan Isu Kubang Pasu, 2021, APPGM-SDG)**

APPGM-SDG menegaskan bahawa pendidikan merupakan hak asasi sejagat yang perlu dijamin kepada semua individu tanpa mengira latar belakang atau sebarang bentuk diskriminasi. Pendekatan ini selaras dengan prinsip global

“Pendidikan Untuk Semua” (*Education For All – EFA*) yang disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta matlamat SDG 4 – Pendidikan Berkualiti, yang menekankan penyediaan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama, di samping menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

USAHA KERAJAAN DALAM MEMASTIKAN AKSES PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (*Universal Declaration of Human Rights, UDHR*) telah memperincikan hak dan kebebasan asasi manusia, termasuk hak terhadap pendidikan. Merujuk kepada Artikel 26 (1) di dalam pengisytiharan tersebut, dinyatakan bahawa ²⁵:

‘Setiap orang adalah berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya peringkat awal dan asasnya. Pelajaran peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pelajaran teknikal serta professional hendaklah disediakan untuk umum dan Pelajaran tinggi hendaklah mempunyai akses yang sama rata kepada semua orang atas dasar kebolehan.’

Artikel 26 (1), Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat

²⁵ United Nations Human Rights Office of The High Commissioner, “Universal Declaration of Human Rights – Malay,” n.d., <https://www.ohchr.org/en/human-rights/universal-declaration/translations/malay-bahasa-melayu>.

Kerajaan Malaysia menyokong kepentingan pendidikan sebagai hak asasi melalui komitmen berterusan KPM terhadap prinsip Pendidikan Untuk Semua (EFA). Komitmen ini dizahirkan melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang memastikan semua kanak-kanak di Malaysia memperoleh akses kepada pendidikan tanpa diskriminasi²⁶.

Sebelum ini, dasar pendidikan wajib hanya meliputi pendidikan rendah. Namun, pada 10 September 2025, pindaan RUU Pendidikan telah meluaskan skop pendidikan wajib sehingga ke pendidikan menengah²⁷. Dengan kelulusan pindaan ini, semua kanak-kanak di Malaysia perlu mengikuti pendidikan rendah dan menengah bagi memastikan mereka menerima pendidikan yang sewajarnya. Menurut Menteri Pendidikan Malaysia, peluasan dasar ini merupakan langkah strategik bagi membendung isu keciciran pelajar sejurus tamat pendidikan rendah, khususnya selepas Tahun Enam²⁸.

Dasar pendidikan wajib telah diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996, khususnya Subseksyen 29A²⁹ iaitu;

²⁶ Fazurawati Che Lah, "Pendidikan untuk semua," *Harian Metro*, 25 Jun, 2018, <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/06/351664/pendidikan-untuk-semua>.

²⁷ "RUU Pendidikan lulus, Dasar Pendidikan wajib selaras amalan antarabangsa," *Bernama*, 10 September, 2025, <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2466101>.

²⁸ "RUU Pendidikan lulus, Dasar Pendidikan wajib selaras amalan antarabangsa," *Bernama*, 10 September, 2025, <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2466101>.

²⁹ Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), (Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2012) 30, [https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/Kurikulum%](https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/Kurikulum%20)

- (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menetapkan pendidikan rendah sebagai pendidikan wajib.
- (2) Setiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia dan tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib.
- (3) Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan murid atau awam, untuk berbuat demikian melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan mana-mana murid atau mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambah syarat itu.
- (4) Ibu bapa yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit

atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya.

Tambahan lagi, penguatkuasaan Akta Pendidikan 1996 telah diperkukuh selaras dengan agenda reformasi pendidikan negara, khususnya melalui Strategi B1.3: Mempertingkatkan Keberhasilan Pendidikan. Strategi ini menekankan peningkatan kualiti hasil pembelajaran pelajar agar sejajar dengan amalan antarabangsa, termasuk melalui kewajipan pendidikan prasekolah seawal usia lima tahun dan pendidikan rendah seawal enam tahun bagi menyokong perkembangan awal minda kanak-kanak³⁰.

Strategi ini turut merangkumi penyediaan pendidikan kepada murid berkeperluan khas dengan menekankan prinsip inklusif untuk semua. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia semasa, strategi ini masih belum mengambil kira golongan rentan tanpa dokumen sebagai salah satu kumpulan sasaran khusus dalam agenda reformasi pendidikan.

Akses Pendidikan Untuk Golongan Tanpa Dokumen Di Malaysia

Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan tiada individu tercicir daripada sistem pendidikan negara dilaksanakan melalui penggubalan beberapa peruntukan undang-undang serta pelaksanaan inisiatif kerajaan. Antara akta dan inisiatif kerajaan adalah seperti berikut yang diringkaskan dalam Jadual 2:

³⁰ Kementerian Ekonomi, *Rancangan Malaysia Ke-13, 2026-2030 Melakar semula pembangunan*, (Putrajaya: 2025) Bab 3, https://rmk13.ekonomi.gov.my/wp-content/uploads/2025/07/Buku_Utama_RMK13.pdf.

Jadual 2. Akta dan Inisitif yang Dilaksanakan oleh Kerajaan untuk Membantu Kanak-Kanak Tanpa Dokumen di Malaysia Mendapatkan Akses Pendidikan

AKTA	INISIATIF
Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2009 – Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara ke Sekolah Kerajaan Kanak-kanak warganegara yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang lengkap masih boleh didaftarkan ke sekolah kerajaan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Antara syarat utama adalah seperti berikut : - Ibu bapa atau penjaga merupakan warganegara Malaysia dan memiliki kad pengenalan yang sah. - Permohonan kemasukan hendaklah disokong oleh pengesahan ketua	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) SBJK ditubuhkan di Chow Kit sebagai sekolah khas yang menyediakan akses pendidikan kepada kanak-kanak yang berisiko tercicir, termasuk kanak-kanak jalanan, kanak-kanak terpinggir, kanak-kanak tanpa dokumen dan kanak-kanak yatim piatu. Selain beroperasi sebagai institusi pendidikan dengan bangunan tersendiri, SBJK turut ditransformasikan sebagai sebuah program intervensi pendidikan, yang membolehkan kanak-kanak berisiko disalurkan dan ditempatkan ke sekolah kerajaan sedia ada. Antara

AKTA	INISIATIF
kampung atau ketua komuniti bagi membuktikan bahawa kanak kanak tersebut merupakan warganegara Malaysia. iii. Jabatan Pendidikan Negeri akan memberikan tempoh dua (2) tahun kepada ibu bapa atau penjaga untuk mengemukakan status terkini permohonan dokumen pengenalan diri kanak-kanak berkenaan.	sekolah yang melaksanakan program ini ialah Sekolah Kebangsaan Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah³¹.
Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi	Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) PBA merupakan pusat pembelajaran tidak formal yang diusahakan oleh pertubuhan bukan kerajaan

³¹ "Sekolah Binbingan Jalinan Kasih beroperasi di Sabah esok," *Bernama*, 22 Oktober, 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022631/sekolah-bimbingan-jalinan-kasih-beroperasi-di-sabah-esok>.

AKTA	INISIATIF
Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 – Kemasukan Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan³² Kanak-kanak tanpa dokumen yang sedang berada dalam proses permohonan kewarganegaraan, atau yang menghadapi kesukaran untuk membuktikan status kewarganegaraan akibat kekurangan dokumen ibu bapa, boleh didaftarkan ke sekolah kerajaan di bawah Peraturan 5. Kemasukkan murid di bawah peruntukan ini tertakluk kepada bayaran	(NGO) dan terbuka kepada kanak-kanak yang tidak layak untuk didaftarkan ke sekolah kerajaan, termasuk kanak-kanak tanpa dokumen³³. Silibus pembelajarn yang dilaksanakan dirangka oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada komuniti setempat atau wakil NGO itu sendiri, berdasarkan keperluan dan konteks komuniti masing-masing. Mekar Didik Program Mekar Didik merupakan inisiatif kolaboratif antara KDN dan KPM yang bertujuan membantu menyelesaikan masalah dokumentasi kanak-kanak yang layak untuk bersekolah. Setakat Julai 2025,

³² Kementerian Pendidikan Malaysia, “Peraturan-peraturan Pendidikan (penerimaan masuk murid ke sekolah, penyimpanan daftar dan syarat bagi pengekalan murid belajar di sekolah) 1998,” n.d., <https://www.moe.gov.my/peraturan-peraturan-pendidikan-penerimaan-masuk-mu#>.

³³ Alyaa Alhadjri, Hariz Mohd dan Haspaizi Zain, “KPM: Kanak-kanak tanpa dokumen boleh masuk pusat bimbingan alternatif,” *Malaysiakini*, 2 Julai, 2024, <https://www.malaysiakini.com/news/710606>.

AKTA	INISIATIF
fi tahunan sebanyak RM120 bagi sekolah rendah dan RM240 bagi sekolah menengah. Walau bagaimanapun, murid yang didaftarkan di bawah Peraturan 5 tidak layak untuk menerima Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT).	daripada 12,101 pelajar yang dikenal pasti tercicir daripada sistem pendidikan, seramai 2350 pelajar berada dalam proses siasatan oleh JPN berkenaan pemilikan dokumen pengenalan diri, termasuk kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil kewarganegaraan dan passport. Daripada jumlah tersebut, 67 pelajar dikenal pasti layak untuk dikeluarkan dokumen pengenalan diri, manakala 1,037 pelajar didapati tidak layak berikutan faktor seperti kegagalan menghubungi keluarga, keengganan keluarga untuk memberikan kerjasama dan isu-isu berkaitan yang lain. Baki pelajar yang selebihnya pula dikenal pasti telah memiliki dokumen pengenalan diri yang sah³⁴.

³⁴ Jabatan Pendaftaran Negara, Inisiatif Mekar Didik, 14 Julai, 2025.

PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR 2024 DAN 2025

Pada tahun 2024, APPGM-SDG telah menjemput Ahli-ahli Parlimen serta KDN bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan golongan tanpa dokumen dan golongan tanpa kewarganegaraan (*stateless*). Hasil daripada perbincangan tersebut, isu berkaitan jaminan pendidikan asas kepada kanak-kanak daripada ibu bapa tanpa dokumen telah dikenal pasti sebagai antara isu keutamaan.

Perbincangan ini seterusnya diteruskan melalui Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Siri Kedua 2025, yang melibatkan penyertaan Ahli-ahli Parlimen serta beberapa kementerian dan agensi berkaitan, antaranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Perbincangan berfokus ini telah dilaksanakan sebanyak tiga sesi, dan setiap perbincangan dijalankan di Bangunan Parlimen, wilayah Sabah dan wilayah Sarawak. Pendekatan ini diambil bagi memastikan konteks pelaksanaan dan realiti di peringkat wilayah, khususnya di Sabah dan Sarawak, turut diambil kira supaya isu yang dibincangkan menerima maklum balas yang menyeluruh dan seimbang.

Hasil dapatan daripada ketiga-tiga sesi perbincangan tersebut telah dirumuskan dan diselaraskan dengan konteks Laporan Cadangan Dasar ini bagi menyokong perumusan cadangan yang realistik, berasaskan bukti dan boleh dilaksanakan.

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 di Parlimen

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 bagi tema Golongan Tanpa Dokumen telah diadakan di Bangunan Parlimen dua (2) kali, iaitu pada 6 Mac 2025 dan 14 Ogos 2025. Perbincangan pertama yang berlangsung pada 6 Mac 2025 melibatkan penyertaan Ahli-ahli Parlimen, manakala sesi kedua pada 14 Ogos 2025 turut melibatkan Ahli-ahli Parlimen, wakil kementerian dan agensi berkaitan.

Hasil perbincangan merumuskan bahawa kemasukan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen ke sekolah kerajaan adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 1/2009 yang dikeluarkan oleh KPM. Pekeliling ini adalah terpakai bagi kemasukan ke sekolah rendah dan sekolah menengah, tertakluk kepada pematuhan syarat yang ditetapkan, antaranya sekurang-kurangnya salah seorang ibu atau bapa merupakan warganegara Malaysia, permohonan kewarganegaraan telah dikemukakan, serta pengesahan daripada ketua kampung disertakan semasa proses pendaftaran sekolah dilakukan.

Dalam perbincangan yang sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut memaklumkan bahawa pihak diberikan keutamaan untuk mendaftarkan bayi yang dijumpai (*foundling*) melalui mekanisme *fast track*, iaitu satu keistimewaan yang diberikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Pihak JKM turut memaklumkan bahawa purata bagi kes pembuangan bayi setiap tahun adalah sekitar 250 kes, dan setakat tahun 2025, sebanyak 912 kes bayi telah berjaya didaftarkan di JPN.

Selain itu, Ahli-ahli Parlimen turut mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan golongan tanpa dokumen, khususnya kanak-kanak, memperoleh akses pendidikan secara menyeluruh tanpa mengira latar belakang. Antara cadangan yang telah dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Mencadangkan penggunaan kad pengenalan hijau MyKAS sebagai dokumen sementara bagi membolehkan kanak-kanak tanpa dokumen memperoleh akses kepada pendidikan formal.
- ii. Penubuhan pasukan petugas khas (*task force*) yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk KPM, KDN, JKM, Jabatan Agama, ahli akademik dan APPGM-SDG, bagi menyelaraskan isu berkaitan kanak-kanak tanpa dokumen secara lebih bersepadu.
- iii. Pelaksanaan kempen nasional selama enam (6) bulan dengan penglibatan semua Ahli Parlimen bagi membantu masyarakat menyelesaikan isu dokumentasi serta meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan pendaftaran perkahwinan dan kelahiran.
- iv. Pengwujudan *community case finder* di peringkat kampung dan komuniti bagi mengesan serta mengenal pasti kes kanak-kanak tanpa dokumen secara proaktif.
- v. Pembentukan pangkalan data bersepadu dan rentas agensi yang melibatkan JPN, JKM, KPM, Polis Diraja

Malaysia (PDRM) serta NGO. Penyelarasan data ini berupaya pertindihan maklumat dan meningkatkan kecekapan proses dokumentasi.

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 di Sabah

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 turut diadakan di Sabah bagi mendapatkan dan memahami input berkaitan golongan tanpa dokumen daripada perspektif wilayah. Perbincangan ini telah disertai oleh Ahli-ahli Parlimen serta wakil kementerian dan agensi di peringkat negeri, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (KPM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Berdasarkan data rasmi JPN Sabah setakat Julai 2025, seramai 6,997 murid dikenal pasti sedang bersekolah di sekolah kerajaan di Sabah. Daripada jumlah tersebut, 3,969 murid memegang status 'Q', iaitu status kewarganegaraan belum ditentukan. Selain itu, seramai 1,006 murid dilaporkan gagal dikesan dan berkemungkinan telah berhenti sekolah dan tidak dapat dikenal pasti status mereka.

Selain itu, terdapat juga inisiatif khusus seperti Program Bimbingan Jalinan Kasih yang diwujudkan bagi menyokong murid daripada golongan rentan di Sabah. Program ini menerima penyertaan murid bukan warganegara dan murid tanpa dokumen, namun pelaksanaannya tertakluk kepada syarat kemasukan yang ketat, termasuk proses temu duga dan penelitian lanjut terhadap latar belakang pelajar.

Di samping pendidikan formal di sekolah kerajaan, terdapat juga pusat bimbingan alternatif (PBA) yang diuruskan oleh

NGO. PBA menyediakan peluang pembelajaran kepada kanak-kanak tanpa dokumen dan tanpa kewarganegaraan. Walaupun pusat-pusat ini tidak dibiayai oleh KPM, mereka tetap diwajibkan untuk berdaftar dan memperoleh kelulusan KPM bagi tujuan beroperasi.

Walau bagaimanapun, pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah menegaskan bahawa pemantauan terhadap kandungan silibus pembelajaran di PBA adalah penting bagi memastikan pelaksanaannya tidak bercanggah dengan kepentingan dan keselamatan negara .

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar 2025 di Sarawak

Kerajaan Sarawak menegaskan komitmennya untuk memastikan tiada diskriminasi terhadap golongan tanpa dokumen yang ingin mendapatkan akses kepada pendidikan. Sehubungan itu, Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Sarawak melaksanakan inisiatif Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSITKS) bagi membolehkan individu terlibat memperoleh akses sementara kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan sementara menunggu keputusan permohonan kewarganegaraan.

Permohonan DSITKS boleh dikemukakan melalui mana-mana pejabat daerah di seluruh Sarawak atau secara terus

melalui KPWK Sarawak. Bagi melayakkan permohonan, pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut³⁵:

- Memiliki sijil kelahiran yang didaftarkan di Sarawak dan berstatus kewarganegaraan belum ditentukan;
- Telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan; dan
- Berumur 21 tahun ke bawah.

Kerajaan Sarawak melihat bahawa aspek pendidikan sebagai salah satu aspek penting kepada pembangunan masyarakat Sarawak. Oleh itu, secara amnya tiada isu ketara berkaitan akses pendidikan, termasuk bagi golongan tanpa dokumen. Walau bagaimanapun, kerajaan Sarawak mengenal pasti bahawa antara faktor yang menyumbang kepada ketiadaan dokumentasi adalah kes kehamilan remaja serta perkahwinan yang tidak didaftarkan, khususnya apabila melibatkan pasangan warganegara asing. Bagi perkahwinan yang dilangsungkan secara adat, pasangan tidak menghadapi kekangan kerana perkahwinan tersebut diiktiraf oleh kerajaan Sarawak.

Bagi komuniti Orang Asal serta Bumiputera Sabah dan Sarawak, pasangan mempunyai pilihan untuk mendaftarkan

³⁵ Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti, "Dokumen Semnetara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak," n.d., https://kpwk.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/101.

perkahwinan sama ada di bawah Akta 164 (bagi perkahwinan sivil) atau dibawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952 (bagi perkahwinan adat)³⁶ , selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

CABARAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Semasa sesi-sesi perbincangan berfokus berkaitan tema menjamin pendidikan asas kepada kanak-kanak tanpa dokumen dokumen, seperti yang dihuraikan dalam Seksyen 3, Ahli-ahli Parlimen serta wakil kementerian dan agensi yang terlibat telah membincangkan secara mendalam faktor-faktor dan isu-isu utama yang mempengaruhi akses pendidikan golongan tersebut. Perbincangan ini turut mengambil kira dapatan pemetaan isu yang dibangkitkan oleh komuniti tempatan di kawasan-kawasan Parlimen terlibat.

Pendekatan ini secara tidak langsung mencerminkan gerak kerja APPGM-SDG yang berteraskan konsep "*whole-of-nation-approach*", iaitu satu pendekatan menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan bagi mengenal pasti cabaran sebenar di peringkat akar umbi serta merangka penyelesaian pendidikan asas tanpa kekangan yang berpunca daripada proses atau status permohonan kewarganegaraan ibu bapa mereka.

Jadual 3 di bawah memaparkan senarai cabaran serta cadangan penyelesaian yang telah dibincangkan semasa sesi

³⁶ Jabatan Pendaftaran Negara, "Daftar Perkahwinan di JPN," n.d., <https://www.jpn.gov.my/images/buletin/daftarkahwindijPN.pdf>.

perbincangan kumpulan tahun 2025. Seperti yang ditunjukkan dalam jadual tersebut, isu-isu yang dihadapi oleh kanak-kanak tanpa dokumen telah dianalisis secara terperinci bagi memastikan cadangan yang dirangka bersifat bersasar dan berimpak, khususnya dalam menjamin akses pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah tanpa halangan pentadbiran.

Selain itu, cadangan-cadangan ini dirangka berasaskan kerangka SDG bagi menyokong usaha Malaysia mencapai sasaran SDG yang berkaitan menjelang tahun 2030. Jadual ini turut memperlihatkan bahawa pelaksanaan penyelesaian memerlukan kerjasama rentas sektor, dan tidak boleh digalas oleh satu kementerian semata-mata. Peranan Ahli-ahli Parlimen dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) juga adalah penting, khususnya dalam aspek penyebaran maklumat yang tepat mengenai proses permohonan kewarganegaraan menggunakan dokumen yang sah dan betul.

Di samping itu, kerjasama bersepadu antara semua pihak berkepentingan berupaya meningkatkan tahap kesedaran di kalangan komuniti tempatan mengenai kepentingan pendaftaran perkahwinan dan kelahiran anak, serta nilai pendidikan asas sebagai teras kepada pembangunan insan dan kesejahteraan jangka panjang untuk generasi akan datang.

Jadual 3. Cabaran dan cadangan penyelesaian berkenaan akses pendidikan kanak-kanak tanpa dokumen di Malaysia

CABARAN	CADANGAN	PIHAK YANG TERLIBAT	KEBOLEHCAPAIAN SDG DAN SASARAN YANG BERKAITAN
Kanak-kanak tanpa dokumen perlu memperbaharui permohonan kewarganegaraan setiap dua (2) tahun sekiranya tiada keputusan diperoleh bagi permohonan terdahulu bagi membolehkan mereka terus bersekolah di sekolah kerajaan	- Memberi dokumen sementara khas dengan tempoh sah laku sekurang-kurangnya sehingga keputusan permohonan diperoleh atau sehingga kanak-kanak menamatkan persekolahan di peringkat menengah. - Inisiatif yang dilaksanakan oleh KPWK, Sarawak melalui pemberian	- Kementerian Dalam Negeri (Jabatan Pendaftaran Negara) - Kementerian Pendidikan Malaysia - Pihak Berkuasa Tempatan	SDG 4 – Pendidikan Berkualiti <i>Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mesti mendapat pendidikan rendah dan menengah secara percuma..</i>

CABARAN	CADANGAN	PIHAK YANG TERLIBAT	KEBOLEHCAPAIAN SDG DAN SASARAN YANG BERKAITAN
secara percuma. Keperluan ini menimbulkan beban yang signifikan dari segi kos, masa dan tenaga, khususnya bagi keluarga yang menetap di kawasan luar bandar, pedalaman dan di kepulauan.	Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSITKS) wajar dijadikan amalan terbaik (<i>best practice</i>) bagi meringankan beban golongan ini serta sebagai rujukan pelaksanaan di peringkat nasional.	4. Ahli-ahli Parlimen 5. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) 6. Ketua-ketua Komuniti/Ketua Kampung/Tok Batin	SDG 10 – Mengurangkan Ketidaksamarataan <i>Sasaran 10.3: Memastikan peluang yang sama rata dan mengurangkan keputusan yang tidak adil termasuk menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi, serta</i>

CABARAN	CADANGAN	PIHAK YANG TERLIBAT	KEBOLEHCAPAIAN SDG DAN SASARAN YANG BERKAITAN
			<i>mengetengahkan undang-undang, dasar dan tindakan yang bersesuaian dalam hal ini.</i>
Majoriti pendidikan di pusat bimbingan alternatif (PBA) tidak diiktiraf rasmi oleh KPM menyebabkan peluang pelajar untuk menduduki peperiksaan awam seperti SPM adalah terhad.	• Mewujudkan silibus pembelajaran yang selaras dengan Pendidikan Kebangsaan bagi memastikan kualiti pendidikan yang setara. Selain penguasaan kemahiran asas 4M (membaca, mengira,	1. Kementerian Pendidikan Malaysia 2. Majlis Keselamatan Negara 3. NGO 4. Ahli-ahli Parlimen	SDG 16 – Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh <i>Sasaran 16.b: Menggalakkan dan menguatkuasakan undang-undang serta dasar tanpa</i>

CABARAN	CADANGAN	PIHAK YANG TERLIBAT	KEBOLEHCAPAIAN SDG DAN SASARAN YANG BERKAITAN
Setakat tahun 2025, hanya tiga buah ALC yang berdaftar di bawah KPM (dua buah di Selangor dan sebuah di Sabah) ³⁷ . Meskipun banyak ALC yang telah ditubuhkan oleh NGO seperti Sekolah Alternatif Borneo Komrad, Mabul Kids Education Society dan	menulis, mengaji), pelajar turut berpeluang menerima kandungan pembelajaran yang setara dengan pendidikan formal yang dilaksanakan di sekolah kerajaan. Berdasarkan dapatan perbincangan di Sabah, silibus pembelajaran di PBA pada masa ini tidak mempunyai mekanisme pemantauan yang sistematik oleh pihak	5. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) 6. Ketua-ketua komuniti/Ketua Kampung/Tok Batin	<i>diskriminasi bagi menyokong pembangunan mampan.</i> SDG 17 – Perkongsian untuk Matlamat <i>Sasaran 17.17:Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara sektor awam,</i>

³⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia, Maklum balas rasmi melalui sistem SISPAAs berkaitan ALC, 2025.

CABARAN	CADANGAN	PIHAK YANG TERLIBAT	KEBOLEHCAPAIAN SDG DAN SASARAN YANG BERKAITAN
Kelas Bimbingan Insan ³⁸ , penubuhan ini perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum dapat didaftarkan dengan KPM ³⁹ .	berkuasa. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan sekiranya kandungan pembelajaran yang dilaksanakan tidak selaras dan bercanggah dengan kepentingan dan keselamatan negara Malaysia.		<i>awam-swasta dan masyarakat sivil, yang dibina berasaskan pengalaman dan strategi perkongsian yang mampan.</i>

³⁸ Afifah Gamiring @ Hajinin, dan Badariah Saibeh, "Kurikulum di pusat pembelajaran alternatif: Kajian kes di Pulau Mabul, Sabah," *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, Volume 7, Issue 48 (2022): 411-433, https://www.researchgate.net/publication/367175305_CURRICULUM_IN_ALTERNATIVE_LEARNING_CENTER_A_CASE_STUDY_IN_MABUL_ISLAM_SABAH.

³⁹ Kementerian Pendidikan Malaysia. Maklum balas rasmi melalui sistem SISPAAL berkaitan ALC. 2025.

KESIMPULAN

Pelaksanaan pembaharuan dasar yang dicadangkan ini diharapkan dapat memperkuat sistem pendidikan di Malaysia agar bersifat lebih inklusif serta memastikan tiada individu yang tercicir daripada sistem pendidikan negara. Cadangan-cadangan yang dikemukakan seperti yang diuraikan dalam Jadual 3 berpotensi menyumbang kepada penambahbaikan dasar sedia ada, khususnya dalam menjamin hak asasi rakyat Malaysia terhadap akses pendidikan yang adil dan saksama.

Selain itu, pelaksanaan cadangan ini juga dijangka dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran SDG di Malaysia menjelang tahun 2030. Sehubungan itu, komitmen dan kerjasama kolektif daripada semua pihak berkepentingan adalah amat penting bagi memastikan setiap individu berpeluang menikmati pembangunan yang mampan, selaras dengan prinsip teras SDG iaitu "*Leaving No One Behind*".

BIBLIOGRAFI

- "Matlamat Pembangunan Mampan 2030 versi dwi-bahasa." Urbanice. 2023. <https://www.urbanicemalaysia.com.my/publications/sustainable-development-goals-2030>.
- "RUU pindaan perlembagaan kewarganegaraan berkuat kuasa Jun atau Julai tahun depan." *Bernama*, 21 Ogos, 2025. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-pindaan-perlembagaan-kewarganegaraan-berkuat-kuasa-jun-atau-julai-tahun-depan-535210>.
- "RUU Pendidikan lulus, Dasar Pendidikan wajib selaras amalan antarabangsa." *Bernama*, 10 September, 2025. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2466101>.
- "Sekolah Binbingan Jalinan Kasih beroperasi di Sabah esok." *Bernama*, 22 Oktober, 2023. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022631/sekolah-bimbingan-jalinan-kasih-beroperasi-di-sabah-esok>.
- "Tentang kebenaran pelarian untuk bekerja secara sah di Malaysia." Penyata Rasmi Parlimen Malaysia. 25 November 2025. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/KKDR-25112025-1.pdf>.

Afifah Gamiring @ Hajinin, dan Badariah Saibeh. "Kurikulum di pusat pembelajaran alternatif: Kajian kes di Pulau Mabul, Sabah." *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, Volume 7, Issue 48 (2022): 411-433.

https://www.researchgate.net/publication/367175305_CURRICULUM_IN_ALTERNATIVE_LEARNING_CENTRE_A_CASE_STUDY_IN_MABUL_ISLAM_SABAH.

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. 2012. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/Kurikulum%20Kebangsaan/Akta%20550%20-%20Akta%20Pendidikan%201996.pdf>.

Alyaa Alhadjri, Hariz Mohd dan Haspaizi Zain. "KPM: Kanak-kanak tanpa dokumen boleh masuk pusat bimbingan alternatif," *Malaysiakini*. 2 Julai, 2024. <https://www.malaysiakini.com/news/710606>.

Daeng Travel. "Pulau Mantanani." 2023. <https://daengtravel.com/pulau-mantanani/>.

Fazurawati Che Lah. "Pendidikan untuk semua." *Harian Metro*, 25 Jun, 2018. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/06/351664/pendidikan-untuk-semua>.

Jabatan Digital Negara. "Soal Jawab Menguruskan Pengenalan Diri." 2024.

<https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/183?language=my>.

Jabatan Pendaftaran Negara. Inisiatif Mekar Didik. 14 Julai, 2025.

Jabatan Pendaftaran Negara. "Pendaftaran Kelahiran Biasa." 2021.

<https://www.jpn.gov.my/my/perkhidmatan/kelahiran/semenanjung/pendaftaran-biasa-sm>.

Jabatan Pendaftaran Negara. "Daftar Perkahwinan di JPN." n.d.,

<https://www.jpn.gov.my/images/buletin/daftarkahwindingPN.pdf>.

Jabatan Pendaftaran Negara. "Pendaftaran perkahwinan bagi bukan beragama islam." n.d.,

<https://www.malaysia.gov.my/media/uploads/fa0d2f5c-e465-41cd-b865-820d79c97dd4.pdf>.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia* 2025. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025.

https://storage.dosm.gov.my/demography/population_2025.pdf

Kementerian Dalam Negeri. "Ringkasan kaedah penentuan kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang." 2021.

https://www.kln.gov.my/web/chl_santiago/news-

from-mission/-/blogs/ringkasan-kaedah-penentuan-kewarganegaraan.

Kementerian Dalam Negeri. "Kewarganegaraan." 2025.
<https://www.moha.gov.my/utama/index.php/ms/component/content/article/326-kewarganegaraan?catid=113>.

Kementerian Ekonomi. *Rancangan Malaysia Ke-13, 2026-2030 Melakar semula pembangunan*, Putrajaya: 2025.
https://rmk13.ekonomi.gov.my/wp-content/uploads/2025/07/Buku_Utama_RMK13.pdf.

Kementerian Pendidikan Malaysia. "Falsafah Pendidikan Kebangsaan." n.d..
<https://www.moe.gov.my/falsafah-pendidikan-kebangsaan>

Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti. "Dokumen Semnetara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak." n.d..
https://kpwk.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/101.

Kementerian Pendidikan Malaysia. "Peraturan-peraturan Pendidikan (penerimaan masuk murid ke sekolah, penyimpanan daftar dan syarat bagi pengekalan murid belajar di sekolah) 1998." n.d..
<https://www.moe.gov.my/peraturan-peraturan-pendidikan-penerimaan-masuk-mu#>.

Kementerian Pendidikan Malaysia. Maklum balas rasmi melalui sistem SISPAAL berkaitan ALC. 2025.

Laporan Awal Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM-SDG 2024 Tema Tiada Kewarganegaraan. 2024.
<https://appgm-sdg.com/wp-content/uploads/2024/10/Tiada-Kewarganegaraan.pdf>.

Maisarah Sheikh Rahim, Aqilah Mior Kamarulbaid, dan Aslinda Nasir. "49,000 permohonan jadi warganegara sedang dinilai." *Utusan Malaysia*, 30 September, 2025, <https://www.jpn.gov.my/my/keratan-akhbar/6132-49permohonan>.

Media sosial rasmi Development of Human Resources for Rural Areas, Malaysia (DHRRA Malaysia). "Bukan semua bertaraf warganegara Adalah warga asing." Facebook, 12 Mei 2021. <https://www.facebook.com/photo.php?fbid=4098567613534462&id=581979151860010&set=a.582882218436370>.

Media sosial rasmi Jabatan Pendaftaran Negara. "3 Cara pemerolehan kewarganegaraan Malaysia." Facebook, 10 Mei 2025. <https://www.facebook.com/jpnhqofficial/posts/ramai-yang-ingat-senang-nak-dapat-kewarganegaraan-malaysia-tapi-tahu-takpenganug/1139588071531956/>.

Media sosial rasmi Kementerian Dalam Negeri. "Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2024 berhubung dengan kewarganegaraan." Instagram, 17 Oktober 2024. https://www.instagram.com/p/DBORbZ7zIAg/?utm_source=ig_web_copy_link.

Shawaliah Hadir. "200,000 pelarian terlibat Dasar Pengurusan Pelarian tahun depan." *Malaysia Gazette*. 2 Disember, 2025. <https://malaysiagazette.com/2025/12/02/200000-pelarian-terlibat-dasar-pengurusan-pelarian-tahun-depan-shamsul-anuar/>.

United Nations Human Rights Office of The High Commissioner. "Universal Declaration of Human Rights – Malay." n.d.. <https://www.ohchr.org/en/human-rights/universal-declaration/translations/malay-bahasa-melayu>.

Demi menyokong aspirasi RMK-13 untuk melahirkan insan MADANI dan menyumbang kepada peningkatan pencapaian SDG seperti SDG4 (Pendidikan Berkualiti), SDG10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan) dan SDG16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh), laporan cadangan dasar ini mengemukakan cadangan berdasarkan konteks realiti semasa yang dihadapi oleh komuniti terkesan demi menjamin akses pendidikan yang berterusan tanpa dipengaruhi oleh status permohonan kewarganegaraan ibu bapa dan individu. Cadangan-cadangan ini mengambil kira prinsip sedunia Pendidikan Untuk Semua yang disokong oleh kerajaan Malaysia bahawa setiap manusia adalah berhak ke atas pendidikan yang saksama, pecuma dan berkualiti, termasuklah golongan rentan seperti golongan tidak berdokumen. Ketiadaan dokumen kelahiran dan kad pengenalan akibat faktor seperti kurang pemahaman mengenai proses pendaftaran dan halangan geografi telah mengehadkan akses kepada hak asasi seperti pendidikan kepada golongan ini. Selain itu, cadangan kertas dasar ini turut bertujuan memastikan sistem pendidikan di Malaysia adalah lebih bersifat inklusif dan saksama untuk semua tanpa diskriminasi, selaras dengan prinsip SDG '*Leaving No One Behind*'.



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari



A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.



secretariat@appgm-sdg.com



<https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

ISBN 978-629-7752-38-9



9 786297 752389